

0916

U 8363 AAB

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERHANA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMULAKAN TUGAS RASMINYA SEPERTI BIASA SETELAH PULANG DARIPADA CUTI BEREHAT SELAMA TIGA HINGGU DI LUAR NEGARI, SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KIDNEYHARI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG TIBA DI PEJABAT DAN MERAKAM KAD PERAKAM MAKTU MASUK BERTUGAS PADA PUKUL 7.34 Pagi, DISAMBUT OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK SHAFAR BABA.

ENCIK SHAFAR KEMUDIANNYA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI PERKEMBANGAN SEMASA TANAHAIR, SEMASA KETIDADAAN BELIAU.

SEMASA BERCUTI REHAT DI LUAR NEGARI, PERDANA MENTERI TELAH MELAKUKAN LONDON, MOROCCO DAN SEPANYOL DAN SINGGAH DI LONDON SEBELUM BERLEPAS PULANG KE TANAHAIR MALAM TADI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA DI PEJABAT BELIAU, SELEPAS BERBINCANG DENGAN ENCIK SHAFAR, PERDANA MENTERI MEMINTA SELURUH RAKYAT SUPAYA BEKERJA DENGAN LEBIH KUAT DAN BERUSAHA MENAMBAH PRODUKTIVITI DEMI MENJAMIN KEMAKMURAN NEGARA. -- LASI
1055HST 04 04 89

0918

U 8367 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLU BEKERJA KUAT UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN DAN DARIPADA KEUNTUNGAN ITU KERAJAAN AKAN MEMUNGUT CUKAI UNTUK MEMERUSKAN USAHA-USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA. MENURUTNYA, TANPA BEKERJA KUAT RAKYAT SUKAR MENCAPAI KEJAYAAN DAN KEMAKMURAN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN MELALUI HASIL CUKAI YANG DIPUNGUT DARIPADA RAKYAT DAN JIKA RAKYAT ATAU SYARIKAT PERNIAGAAN MENDAPAT KEUNTUNGAN BESAR SUDAH PASTI PEMBANGUNAN NEGARA DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH PESAT.

PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK LASI USAHA YANG HENDAK DILAKUKAN OLEH KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG AKAN, DAMAI DAN RAKHUR.

SEMUA USAHA YANG DILAKUKAN ITU DALAH UNTUK KEPENTINGAN DAN KEMAKMURAN RAKYAT, TAMBAN BELIAU.

KETIKA DITANYA TENTANG TUGAS-TUGAS BELIAU SELEPAS BERCUTI REHAT, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA UTAMA YANG AKAN BELIAU BERI PERHATIAN UTAMA IALAH INGIN MELIHAT UMNO DISUSUN RAPI SUPAYA DAPAT BERGERAK DENGAN LEBIH CERSAS KE ARAH MENYATUKAN ORANG MELAYU. -- LASI
1057HST 04 04 89

0919

U 8368 AAB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEKUATAN UMNO YANG MERUPAKAN TULANG BELAKANG BARISAN NASIONAL DAN KERAJAAN ADALAH PENTING DEMI MEMBANA KEMAKMURAN DAN KEAMANAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERSYUKUR KEPADA ALLAH KERANA DAPAT BERTUGAS SEMULA SEPERTI BIASA SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR JANUARI LEPAS.

KATANYA, BELIAU BANYAK BERTUTANG BUDI KEPADA DOKTOR-DOKTOR DAN KAKITANGAN HOSPITAL BERKENAAN YANG TELAH BEKERJA KUAT DAN BERTUNGKUS-LUMUS UNTUK MERAMAT BELIAU SEMASA BERADA DI HOSPITAL.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA RAKAN-RAKANNYA DAN RAKYAT YANG SENTIASA MEMODAKAN SUPAYA BELIAU CEPAT SEMBUH DAN DAPAT BERTUGAS SEMULA.

PERDANA MENTERI YANG KELIHATAN RIANG MEMULAKAN TUGASNYA DENGAN MEMANDATANSANI BEBERAPA SURAT YANG TERLETAK DI ATAS MEJANYA --
BERAKA

1059HST 04 04 89